

Empat buruh asing langgar permit kerja didenda

MIRI: Empat buruh warga asing masing-masing didenda RM700 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Sesyen kerana kesalahan melanggar permit kerja yang dikeluarkan kepada mereka.

Rahmatullah, 27; Sampalius Dani, 21; Ule Nese, 38, dan Filimon, 35, kesemuanya dari Indonesia, telah didakwa di bawah Peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 yang dibacakan bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Mengikut kesalahan ini, kesemua tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, kesemua tertuduh tanpa sebab yang munasabah didapati telah gagal mematuhi syarat permit kerja yang dikeluarkan kepada mereka.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 3.45 petang, 8 Oktober lalu di sebuah kedai barangan lusuh di Senadin Enterprise Park Lutong, Kuala Baram.

Pendakwaan dilakukan ASP Koay Kok Ping manakala kesemua tertuduh diwakili peguam bela Alan Ling.